



Erti Titah Diraja

Istiadat pembukaan Parlimen bagi mesyuarat pertama penggal ketiga Parlimen ke-13 selamat dibuka oleh Yang di-Pertuan Agong. Rutin tahunan pembukaan Parlimen Malaysia ini menandakan permulaan tahun ketiga bagi Parlimen bersidang selepas negara menghadapi Pilihan Raya Umum ke-13 sejak 5 Mei 2013. Pembukaan Parlimen setiap penggal oleh Yang di-Pertuan Agong bukan sekadar simbolik negara mengamalkan sistem pemerintahan secara demokrasi berparlimen malahan memenuhi satu tuntutan di dalam Perkara 55 Perlembagaan Persekutuan iaitu kuasa baginda sebagai Raja Berperlembagaan untuk memanggil Parlimen bersidang dari satu masa ke satu masa yang lain.

Institusi Parlimen di Malaysia terdiri daripada Yang di-Pertuan Agong, Dewan Rakyat dan Dewan Negara jarang bertemu sekali tetapi pertemuan mereka ini hanyalah di dalam satu majlis rasmi negara seperti pembukaan Parlimen. Jika di United Kingdom, pertemuan di dalam majlis pembukaan Parlimen ini signifikan memandangkan persetujuan ketiga-tiga pihak ini penting menggubal undang-undang. Justeru, Wilfrid Jenkins dalam bukunya *Her Majesty's Government* menyebut gabungan dan perpaduan erat ketiga-tiga badan iaitu Ratu Elizabeth, House of Commons dan House of Lords yang memerintah negara United Kingdom inilah yang akhirnya dikenali sebagai 'Queen in Parliament'.

Menariknya, dalam tradisi istiadat pembukaan Parlimen di United Kingdom ini, mereka masih mengamalkan satu tradisi yang ratusan tahun lamanya dipraktikkan. Pegawai Black Rod sebagai Ketua Pengiring Raja merangkap pegawai House of Lords akan menuju ke dewan House of Commons sebelum pintu dihempas untuk tidak membenarkan beliau masuk ke dalam Dewan. Ini kerana pada tahun 1642 Raja Charles I memerintahkan untuk menangkap lima ahli House of Commons, namun dihalang.

Justeru, hingga hari ini pegawai Black Rod akan pergi ke House of Commons memanggil ahli House of Commons untuk mendengar Titah Diraja. Peristiwa yang berlaku 400 tahun lalu ini juga simbolik kepada Parlimen Ingeris yang berpegang teguh sentiasa mempunyai hak di dalam kebebasan bersuara dan berbahas yang tidak boleh di ganguh hingga daripada seorang raja ketika itu.

Peruntukan Perkara 55 ini juga perlu dibaca bersama dengan peruntukan Perkara 60, Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan Yang di-Pertuan Agong boleh



YANG di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah.

menyampaikan Titah Diraja kepada mana-mana satu Majlis Parlimen atau bersama dengannya. Dengan kewujudan fasal inilah maka dalam tempoh lima tahun sekurang-kurangnya baginda akan memanggil lima atau enam kali persidangan Parlimen.

Setiap lima tahun ini pula dikira berasaskan daripada Majlis Parlimen pertama yang bermula dengan Parlimen ditubuhkan pada 1959 (pertama) hinggalah yang terakhir tarikh pilihan raya 2013 mewakili Parlimen ke-13. Sesuatu tempoh Parlimen mempunyai lebih kurang lima atau enam penggal (tahun). Kebiasaannya Parlimen akan mula bersidang sekitar bulan Mac, Jun dan September. Pada penghujung sesuatu penggal, Parlimen akan dihentikan penggalnya oleh Yang di-Pertuan Agong dengan suatu perasmisyruran di dalam Warta Kerajaan seperti mana di dalam Perkara 55, Perlembagaan Persekutuan untuk diadakan satu pilihan raya yang baru memandangkan mandat kepada kerajaan sudah tamat.

Institusi Parlimen yang terdiri daripada Dewan Rakyat dan Dewan Negara tidaklah bersidang sepanjang penggal Parlimen. Malahan sebenarnya ahli Dewan Rakyat dan ahli Dewan Negara hanya menggubal undang-undang pada sekitar bulan Mac, Jun dan September. Kebiasaannya pada Mac lebih terarah kepada perbahasan Titah Diraja manakala pada September terarah kepada perbahasan belanjawan negara bagi tahun berikutnya. Pada sesi Dewan Rakyat kali ini, Parlimen dijangka bersidang selama 24 hari manakala ahli Dewan Negara selama 10 hari.

Menyedari keistimewaan institusi

Parlimen dan keberangkatan Yang di-Pertuan Agong di dalam membuka sidang Majlis Parlimen maka mesyuarat pertama bagi sesuatu penggal Parlimen dibuka dengan penuh istiadat. Yang di-Pertuan Agong memeriksa satu barisan kehormat Tentera Diraja, kemudian menyampaikan Titah Diraja kepada ahli daripada kedua-dua Dewan yang berhimpun di satu tempat. Tradisi sebegini diwarisi daripada tradisi ibu negara Komanwel apabila Ratu Elizabeth membuka penggal Parlimen ahli House of Commons dan House of Lords akan berkumpul untuk mendengar Titah Diraja.

Ahmad Abdullah di dalam bukunya *Parlimen Malaysia Amalan dan Acara* (1969) mendefinisikan Titah Diraja adalah pengumuman dasar kerajaan yang disediakan Jemaah Menteri bagi menerangkan kegiatan mahu pun kejayaan yang dicapai pada penggal sebelumnya dan mengemukakan dasar serta langkah yang hendak dijalankan pada penggal Parlimen yang bermula pada tahun tersebut.

Amalan ini selari dengan konsep 'Her Majesty's Government' yang bermaksud amalan kuasa pemerintahan Yang di-Pertuan Agong akan dijalankan oleh badan eksekutif yang memerintah sesuai dengan peruntukan di bawah Perkara 39, Perlembagaan yang membenarkan kuasa ini dijalankan oleh Jemaah Menteri. Justeru, sering kali kita dapat melihat ucapan Titah Diraja menyentuh pelbagai isu penting yang melanda negara dan melibatkan hampir semua kementerian yang ada.

Ini dapat dilihat daripada titah Yang di-Pertuan Agong apabila menyentuh Program Transformasi Kerajaan, tragedi MH370 dan MH17. Bahkan tragedi banjir besar di Kelantan pada Disember lalu turut meruntun hati baginda dan Permaisuri Agong.

Keprihatinan raja di dalam isu penting rakyat sebegini akan diterjemahkan dalam bentuk tindakan kerajaan bagi meringankan beban rakyat. Kementerian dan agensi kerajaan yang berkaitan harus menyedari tindakan drastik perlu diambil apabila isu sebegini menarik perhatian raja. Bahkan segala tindakan kementerian dan agensi kerajaan yang berkaitan dengan isu rakyat ini menggambarkan pemerintahan raja dalam sebuah sistem pemerintahan demokrasi moden.

Selamat bersidang ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara!

Penulis calon Doktor Falsafah bidang undang-undang Perlembagaan di Fakulti Undang-undang, UKM